



**1. PENGUASA PERKAPALAN
JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 1**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) i) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang *Nautical Studies* atau bidang bersesuaian serta mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja perkapalan tidak kurang dari 3 tahun.


ATAU

- ii) Sedang berkhidmat di Jabatan Laut sebagai Kerani Perkapalan dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- iii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.4/D.3 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 6 tahun.

- b) Berpengalaman dan berminat dalam kerja-kerja perkapalan dan laut serta berpengetahuan dalam pengurusan pejabat dan kakitangan adalah kelebihan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGUASA PERKAPALAN:

1. Mengetuai pentadbiran pejabat kecil perkapalan di Jabatan Laut.
2. Melayan dan memproses permohonan-permohonan bagi melesen kapal, dan membuat persediaan bagi melesen kapal.
3. Mengeluarkan pelepasan Pelabuhan dan menjalankan tugas-tugas yang dikehendaki berkaitan dengan pelepasan Pelabuhan.
4. Mengenakan tuntutan-tuntutan yuran-yuran dan cukai-cukai.
5. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Penolong Pendaftar Kapal dari semasa ke semasa.